قليتا بروني

# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

70 TAHUN 1956-2026


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah, mereka itulah yang mengharapkan rahmat Allah. Dan Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 218.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.41 | SUBUH 4.51 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.38 | ISYAK 7.52

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 71 BILANGAN 84 | 15 JULAI 2026 / 1448 محرم 29 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-80



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.** (*Lihat muka 3 hingga muka 4*)

# Perutusan tahniah sempena Bastille Day





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron, kerajaan dan rakyat Republik Perancis bersempena dengan Bastille Day.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Emmanuel Macron.**


IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn


## Berita Utama



5 buku baharu terbitan DBP dilancarkan

Muka 11



MINGGU Orientasi PB raikan 894 pelajar baharu

Muka 12



TANAMKAN nilai patriotisme dalam kalangan pelajar

Muka 33




MERAFAK sembah menjunjung kasih

Muka 35

# Pendidikan inovatif, inklusif dan mampan tonggak masa depan serantau

**Bismillahir Rahmanir Rahim.**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen.**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.**

**SAYA** berbesar hati berdiri di hadapan awda hari ini untuk merasmikan Simposium Antarabangsa Pembangunan Pendidikasn (ISED) 2026 yang julung kali diadakan di The Empire Hotel.

Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta antarabangsa kita yang telah mengembara dari pelbagai tempat di sepanjang laluan perdagangan laut bersejarah (Laluan Sutera Maritim) dan kawasan-kawasan lain yang lebih jauh semata-mata untuk hadir ke Negara Brunei Darussalam yang permai ini. Kehadiran awda hari ini menandakan komitmen bersama terhadap tonggak paling penting masa hadapan kolektif kita : Pendidikan.

Saya juga ingin memuji tuan rumah bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Pendidikan Hong Kong (EdUHK) atas kepimpinan berwawasan mereka dalam menganjurkan simposium ini. Menghimpunkan para pendidik, penyelidik dan penggubal dasar terkemuka, ini adalah perjanjian kuasa kerjasama serantau.

Simposium ini, dengan tema 'Transforming Education for a New Era Innovation, Inclusion and Sustainability across the Maritime Silk Road', adalah tepat pada masanya. Semasa kita mengharungi era peralihan teknologi yang pesat, ketidaktentuan global dan keperluan mendesak untuk amalan mampan, sistem pendidikan kita perlu terus berkembang. Lebih berdaya tahan, inklusif dan berpandangan ke hadapan.

Negara Brunei Darussalam (NBD), di bawah kepimpinan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pendidikan merupakan platform utama bagi menjayakan Wawasan 2035. Komitmen kita untuk meningkatkan taraf pendidikan negara dan memupuk graduan yang sedia masa hadapan tidak berbelah bahagi. Oleh itu, adalah satu kebanggaan besar bahawa universiti utama kita, UBD, telah memperdalam kerjasamanya dengan The Education University of Hong Kong.

Kehadiran awda di simposium hari ini adalah bukti kejayaan berterusan Inisiatif Belt and Road, bukan sebagai konsep tetapi sebagai rangkaian pendidikan yang terus berkembang dan pertukaran budaya. Saya masih ingat bahawa pada Mei 2024, satu delegasi dari EdUHK diketuai oleh Profesor John Lee melawat NBD, menjadi titik permulaan apa yang kita saksikan sekarang. Baru tahun lepas, pada Ogos 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota menyaksikan pengumuman rasmi yang dibuat oleh Naib Canselor UBD, Pusat Bersama Pembangunan Pendidikan dan Kemajuan Kurikulum, Pedagogi dan Penilaian di antara UBD dan EdUHK.

Pusat Bersama itu, kini menjadi realiti, berdiri sebagai hab dinamik untuk memajukan penyelidikan, memudahkan pertukaran akademik dan secara langsung menyokong Kementerian Pendidikan kita. Dengan meletakkan NBD sebagai hab dinamik untuk pendidikan dan pembangunan, kita bukan sahaja mengukuhkan ikatan di antara NBD dan Hong Kong tetapi juga menyumbang kepada kemakmuran seluruh rantau ASEAN. Simposium hari ini menghasilkan kegemilangan pemikiran hasil dari perkongsian tersebut.

Dalam tempoh dua hari akan datang, awda akan meneroka sub-tema kritikal daripada penyelidikan dipacu AI dan masa hadapan digital, kepada ekuiti dalam persekitaran pembelajaran dan kemampanan. Awda akan mendengar daripada tokoh terkemuka, termasuk Profesor John Lee, Profesor Noor Azam dan Profesor May Cheng, serta delegasi yang dihormati dari Republik Filipina, Malaysia, Republik Singapura, Republik Sosialis Viet Nam, Australia dan negara-negara lain.

Saya amat berbesar hati melihat penyertaan Phillipine Normal University, yang diketuai oleh Presiden Bert Tuga, bersama-sama negara jiran kita ASEAN. Semangat kerjasama serantau ini merentasi Laluan Sutera Maritim adalah cara kita secara kolektif menangani cabaran biasa kita dalam pendidikan guru, reka bentuk kurikulum dan kepimpinan pendidikan.

Kepada pendidik, penyelidik dan penggubal dasar di sini, kerja awda penting. Bengkel mengenai penerbitan penyelidikan berpengaruh, AI generatif dalam pedagogi dan pengurusan tingkah laku inklusif - ini bukan sekadar latihan akademik. Ia merupakan asas kepada pembentukan bilik darjah yang lebih baik, komuniti yang lebih kukuh dan masa depan yang lebih penuh harapan buat anak-anak kita.



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa berucap pada Simposium Antarabangsa Pembangunan Pendidikan (International Symposium on Educational Development - ISED) 2026 pada Selasa, 9 Jun 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan**

**>> Muka 11**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | MUHARAM HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | RABU | 29 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 16 | KHAMIS | 1 SAFAR | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 17 | JUMAAT | 2 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 18 | SABTU | 3 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 19 | AHAD | 4 | 4.42 | 4.52 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 20 | ISNIN | 5 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |
| 21 | SELASA | 6 | 4.43 | 4.53 | 6.16 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 / 26 °C | 33 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 33 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Pekan Tutong | 34 / 26 °C | 33 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Kuala Belait | 34 / 25 °C | 33 / 26 °C | 34 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG
15 JULAI 2026

# Memerintah dan mentadbir

**ANTARA** petikan ikrar yang dilafazkan semasa Sambutan Hari Kebangsaan iaitu "Bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah sebagai cara hidup yang lengkap".

Pada tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut Ulang Tahun Keputeraan Ke-80 Tahun. Sejarah tercipta kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah paling lama memerintah dan mentadbir Negara Brunei Darussalam (NBD). Keberadaan baginda memerintah dan mentadbir dari sebelum kemerdekaan hinggalah ke hari ini yang mana NBD akan sentiasa aman damai dan sejahtera berpaksikan kepada Melayu Islam Beraja (MIB) dan konsep Negara Zikir.

Apa yang uniknya MIB dan Konsep Negara Zikir ini digunakan, ini kerana, dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran agama Islam menjadi tiang asas. Kerana dengan Islam, Melayu akan terus maju, sentiasa mendapat rahmat dan berkat dan dengan Islam sistem beraja yang adil, sentiasa dalam petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Islam juga sebagai pegangan kerana dengan Islam kita akan memohon perlindungan, memohon hidayah. Manakala konsep Negara Zikir dalam pentadbiran dan pengurusan pula, sebagai asas dalam apa sahaja yang kita laksanakan setiap hari. Konsep Negara Zikir ialah negara yang sentiasa mengingati Allah dalam apa jua yang kita lakukan. Sepertimana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Baqarah Ayat 152 antara lain makna terjemahannya, "Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku)".

Bila kita memulakan sesuatu dalam kehidupan seharian dengan mengingati Allah, nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi balasan dengan pelbagai cara kebaikan. Mudahan kita sentiasa mengingati Allah dalam apa jua keadaan lebih-lebih lagi dalam pemerintahan dan pentadbiran. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini. Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik. **- Ketua Penyuntingan (Fa)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن. جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سنديرين برحد. نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat ke Majlis Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas, atas kiri dan bawah kiri).**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) terutama para jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong merafakkan doa, "Allahumma Ya Rahman Ya Rahim (Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim), bersempena dengan hari keputeraan raja kami, Al-Wathiqu Billah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 tahun, kami selaku rakyat jelata di NBD merafakkan rasa syukur dan gembira atas nikmat lanjut usia, sihat tubuh badan serta kekal karar memerintah bagi raja kami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Allahumma Ya Allah Ya Tuhan kami, mohon perkenankan doa kami, supaya kami terus konsisten mengasihi raja kami, terus menyokong dan mendukung kepimpinan baginda, sehingga dengan itu dapatlah baginda merealisasikan harapan baginda sendiri dan harapan seluruh rakyat dan penduduk NBD untuk melihat negara ini menjadi sebuah negara yang maju, yang mantap lagi aman di bawah naungan dan pemeliharaan Allah.

"Allahumma, lanjutkan usia raja kami Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, ahli kerabat baginda, para hadirin dan rakyat sekalian, di dalam iman dan takwa, sihat afiat, aman makmur lagi sejahtera," demikian doa para jemaah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama para jemaah di sini menyerikan lagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, pada tahun ini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; serta Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

**>> Muka 4**







**ANTARA yang turut hadir pada majlis berkenaan (kiri dan atas).**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan.**

**>> Muka 3**

Sejurus jam 6.38 petang, Azan Fardu Maghrib dilaungkan oleh Pegawai Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh diikuti Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, tumpuan bagi acara keugamaan berkenaan juga diadakan di masjid-masjid seluruh negara, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria.

Sementara bagi Daerah Tutong pula, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; manakala di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Sementara itu, sudah menjadi kelaziman, bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda pada tanggal 15 Julai akan merakamkan momen bersejarah dengan berlangsungnya Istiadat Barisan Kehormatan yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien disusuli dengan acara-acara lain yang sudah disusun bagi memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan juga semoga Kebawah DYMM kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin NBD dengan penuh berdaulat, adil saksama serta aman sejahtera.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah (atas dan atas kanan).**





**PARA hadirin menadah tangan berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, dan sihat walafiat (kanan dan kanan sekali).**

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, dan Premier of the State Council Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Qiang, kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China, berikutan dengan kejadian banjir dan tanah runtuh di beberapa wilayah di Republik Rakyat China baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

# Berkenan berangkat menandatangani buku takziah





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Kedutaan Besar Negara Qatar di Negara Brunei Darussalam (kiri dan kiri sekali).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berkenan berangkat ke Kedutaan Besar Negara Qatar di Negara Brunei bagi menandatangani Buku Ucapan Takziah berikutan kemangkatan His Highness The Father Amir of Qatar, Sheikh Hamad bin Khalifa Al Thani pada 12 Julai 2026.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Abdullah Hamad Ali Al Adham Al Marri, serta pegawai-pegawai kanan kedutaan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

# KOMITMEN KERAJAAN HARGAI JASA, USAHA ATLET, JURULATIH, PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS). Turut menerima ganjaran tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima Ganjaran Kemenangan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong, hari ini.

Turut menerima ganjaran tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Ganjaran tersebut merupakan pengiktirafan atas kejayaan Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) yang memenangi pingat perak dalam Acara Polo 2 - 4 Goals dan pingat gangsa dalam Acara Polo 4 - 6 Goals pada temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, Tahun 2025.

Ganjaran Kemenangan SPKS tersebut telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu, Majlis Penyampaian Ganjaran Kemenangan SPKS bagi atlet-atlet NBD yang berjaya meraih pingat pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, Tahun 2025 di Thailand juga diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Seramai 22 atlet, enam jurulatih, tiga penolong jurulatih dan lima persatuan sukan kebangsaan telah menerima Ganjaran Kemenangan SPKS tersebut.

Penerima-penerima terdiri daripada atlet, jurulatih dan persatuan bagi sukan polo, wushu, pencak silat, karate dan sepak takraw yang berjaya meraih pingat pada temasya Sukan SEA Ke-33 yang berlangsung di Thailand pada 9 hingga 20 Disember 2025.

Jumlah keseluruhan Ganjaran Kemenangan SPKS yang disampaikan bagi temasya Sukan SEA Ke-33, Tahun 2025 ialah sebanyak BND41,695. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penolong Pengurus Stadium di Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Ali Rahman bin Haji Sulaiman dan diteruskan dengan kata alu-aluan daripada Setiausaha Tetap KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Majlis.

Awang Aliuddin dalam ucapannya berkata bahawa SPKS adalah sebagai bukti kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi KKBS untuk menghargai jasa, pengorbanan, komitmen serta usaha para atlet dan jurulatih serta persatuan-persatuan kebangsaan sekali gus menjadi galakan serta motivasi atas kejayaan dan kecemerlangan dalam mengharumkan nama negara di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam ucapannya lagi, beliau turut menjunjung kasih serta merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah serta Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar atas penyertaan dan kepimpinan dalam membawa Pasukan Polo Diraja Brunei mencapai kejayaan yang membanggakan dalam temasya tersebut.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian Ganjaran Kemenangan SPKS kepada para atlet, jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Ganjaran Kemenangan SPKS merupakan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghargai jasa, pengorbanan dan usaha para atlet, jurulatih serta Persatuan Sukan Kebangsaan yang berjaya mengharumkan nama negara di persada serantau dan antarabangsa.

Pemberian ganjaran tersebut juga menjadi pemangkin motivasi kepada atlet dan semua pihak yang terlibat untuk terus meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sukan negara, selaras dengan hasrat Dasar Sukan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1991.

Selain itu, pemberian ganjaran ini turut bertujuan menggalakkan para atlet untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dan meraih kejayaan pada kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa, di samping mengiktiraf sumbangan jurulatih serta Persatuan Sukan Kebangsaan dalam pembangunan dan kemajuan sukan negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KKBS; pengarah-pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa SPKS, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan, wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan, pegawai-pegawai kanan KKBS serta ahli keluarga atlet.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa penyampaian Ganjaran Kemenangan SPKS kepada salah seorang penerima.**

# Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 Tahun

## Daerah Temburong

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**TEMBURONG**, Selasa, 14 Julai. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 telah diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan seterusnya Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Seterusnya, bacaan Yaa Siin dan Tahlil dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Pemangku Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali.

Dengan majlis itu, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan-Nya, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan baginda kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu khas pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

## Daerah Belait

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas majlis di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

**BELAIT,** Selasa, 14 Julai. – Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 diadakan di kesemua masjid, surau dan balai ibadah di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Belait, tumpuan majlis diadakan pada lewat petang tadi di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait yang dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku tetamu khas majlis.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Muhammad Jamalul Alam, Awang Afiq Haririe bin Haji Muhammad Daud.

Manakala, bacaan Doa Kesyukuran diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Bacaan Doa Kesyukuran berkenaan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis turut merafakkan doa agar baginda sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kebijaksanaan dalam memimpin negara serta kesejahteraan yang berterusan di samping memohon agar Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan, kemakmuran dan keberkatan.

Majlis seterusnya diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Muhammad Jamalul Alam.

Juga hadir, para pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua jabatan, penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemimpin masyarakat, pengetua dan guru besar sekolah, ahli jawatankuasa takmir masjid, wakil sektor swasta serta orang perseorangan dan para jemaah sekitarnya.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan tradisi NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui pengisian yang berunsurkan keagamaan.

Selain itu, ia juga melambangkan kesetiaan dan rasa syukur setiap rakyat dan penduduk negara ini terhadap kepimpinan baginda, di samping memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala agar negara terus dikurniakan keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

## Daerah Tutong

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Selasa, 14 Julai. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 telah diadakan serentak hari ini di masjid-masjid seluruh negara termasuklah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu khas di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib yang diimamkan oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.

Sementara itu, bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil pula dipimpin oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Manakala bacaan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hamdani bin Haji Osman.

Majlis pada malam tadi diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Mohammad Waiz.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong bagi Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran tersebut.

# BERTUKAR PANDANGAN MENGENAI PENGURUSAN, PEMBANGUNAN HARTA MUI

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Julai. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) baru-baru ini mengadakan sesi dialog bersama Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) bagi mendapatkan penerangan mengenai peranan, fungsi, pencapaian serta hala tuju strategik badan berkenaan dalam mengurus, membangunkan dan mengembangmajukan harta-harta Majlis Ugama Islam (MUI).

Hadir mengalu-alukan rombongan, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Naib Yang Dipertua MUI merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah BTHMUI.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan menzahirkan penghargaan atas kesudian Ahli-ahli MMN mengadakan sesi dialog berkenaan sebagai platform untuk memperkukuh persefahaman, mengeratkan kerjasama serta bertukar-tukar pandangan secara konstruktif mengenai pengurusan dan pembangunan harta-harta MUI.

Sepanjang sesi berkenaan, Ahli-ahli MMN telah diberikan taklimat mengenai latar belakang penubuhan BTHMUI, mandat dan fungsinya, pelan strategik, program-program yang sedang dilaksanakan, pencapaian organisasi serta hala tuju pembangunan pada masa hadapan.

Sesi diteruskan dengan dialog yang memberi peluang kepada Ahli-ahli MMN mengemukakan pandangan, cadangan dan saranan bagi memperkukuh tadbir urus, meningkatkan keberkesanan pengurusan serta memperkasa usaha mengembangmajukan dan melaburkan harta-harta Baitul Mal demi kepentingan umat Islam, di samping menyokong pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam hadir mengalu-alukan rombongan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam**

# NBD mempengerusikan ASEAN-OSHNET pada 2027




**KETUA Pegawai Eksekutif Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Lembaga Penyelaras Rangkaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ASEAN Ke-27 (ASEAN-OSHNET Coordinating Board Meeting - CBM-27) yang diadakan baru-baru ini bersempena Persidangan ASEAN-OSHNET Ke-13 (ASEAN-OSHNET Conference - AOC-13) (atas dan bawah).**




**Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

**DA NANG, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM**, Selasa, 14 Julai. - Negara Brunei Darussalam bakal memainkan peranan kepimpinan di peringkat serantau dalam mempertingkatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) susulan penyertaannya sebagai Timbalan Pengerusi pada Mesyuarat Lembaga Penyelaras Rangkaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ASEAN Ke-27 (ASEAN-OSHNET Coordinating Board Meeting - CBM-27), yang diadakan bersempena Persidangan ASEAN-OSHNET Ke-13 (ASEAN-OSHNET Conference - AOC-13) dari 7 hingga 9 Julai 2026.

Delegasi Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad.

Mesyuarat tersebut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh pelaksanaan Pelan Kerja ASEAN-OSHNET 2026-2030 serta meneroka peluang untuk mempererat kerjasama dengan organisasi - organisasi antarabangsa, bagi meningkatkan lagi piawaian dan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di seluruh rantau ASEAN.

Pada tahun 2027, Negara Brunei Darussalam akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN-OSHNET serta menjadi tuan rumah kepada tiga acara utama peringkat serantau, iaitu Persidangan ASEAN-OSHNET Ke-14 (AOC-14), Mesyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN-OSHNET Ke-28 (CBM-28), dan Anugerah ASEAN-OSHNET Ke-7.

Negara Brunei Darussalam juga akan berperanan sebagai Sekretariat ASEAN-OSHNET bagi tempoh 2027 hingga 2029, dengan menyokong penyelarasan dan pelaksanaan program serta inisiatif serantau dalam kalangan Negara-negara Anggota ASEAN dan organisasi-organisasi rakan kerjasama.

Pelantikan ini merupakan satu pencapaian penting bagi Negara Brunei Darussalam dan mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memperkukuhkan kerjasama serantau, menggalakkan perkongsian pengetahuan, serta meningkatkan usaha pembangunan kapasiti dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Melalui SHENA, Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama rapat dengan Negara-negara Anggota ASEAN dan rakan-rakan antarabangsa dalam mempromosikan tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan di seluruh rantau ini.

# Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

**Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Julai. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah sekuriti dan keselamatan tambahan, kawasan dalam lingkungan tiga batu nautika (5.56 kilometer - km) radius dari lokasi yang disenaraikan berikut adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada 15, 19, 22, 29 Julai 2026 serta 1 dan 4 Ogos 2026.

Di Daerah Brunei and Muara, kawasan berkenaan ialah Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai 2026; Padang Polo 1 hingga Pantai Restaurant, The Empire Brunei pada 19 Julai 2026; dan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada 29 Julai 2026.

Sementara Daerah Tutong bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong pada 22 Julai 2026; manakala Daerah Belait bertempat di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait pada 1 Ogos 2026; dan Daerah Temburong bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar pada 4 Ogos 2026.

Di bawah pengisytiharan berkenaan, pesawat-pesawat termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh) tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara berkenaan kecuali yang mendapat keizinan.

Kegagalan untuk mematuhi peraturan berkenaan dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 50 Perintah Penerbangan Awam, (CAP 290).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, di talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel *unmanned.aircraft@dca.gov.bn*.

Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan berkenaan.

PELITA BRUNEI

# STAHB zahir kesyukuran, hargai kecemerlangan pelajar



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman**

**BERAKAS,** Selasa, 14 Julai. - Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB) hari ini meraikan seramai 296 pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) serta Brunei Cambridge GCE 'A' Level bagi 2025 pada Majlis Hafl Al-Takharruj yang diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 249 pelajar menerima Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB), manakala 42 pelajar menerima sijil Brunei Cambridge GCE 'A' Level. Sementara itu seramai lima pelajar yang mengambil jurusan Arab dan Umum menerima kedua-dua sijil peperiksaan awam berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, yang turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelajar.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran berserta terjemahan, diikuti dengan Selawat Tafrijiyyah dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Lagu Rasmi Sekolah.

Pengetua STAHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, dalam peperiksaan STPUB, seramai 254 pelajar, iaitu 98 peratus pelajar telah lulus, dengan 106 pelajar mendapat pangkat Mumtaz, 84 pelajar mendapat pangkat Jayyid Jiddan, 56 pelajar mendapat pangkat Jayyid dan empat pelajar mendapat pangkat Maqbul.

Manakala di dalam peperiksaan Brunei Cambridge 'A' Level tambahnya, semua pelajar lulus 100 peratus dengan 43 pelajar mendapat 3A kredit, tiga orang mendapat 2A kredit dan seorang mendapat 1A kredit.

"InsyaaAllah, pihak Madrasah akan terus berusaha bagi meningkatkan kualiti pencapaian pelajar dengan membuat pelbagai inisiatif dengan sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak," ujarnya.

Beliau juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pelajar atas pencapaian yang membanggakan berkenaan.

Kejayaan berkenaan tambahnya lagi adalah hasil usaha gigih, doa, sokongan ibu bapa, bimbingan para guru serta ketekunan anak-anak pelajar sendiri.

"Majlis ini bukan sahaja menandakan berakhirnya satu fasa penting dalam perjalanan pendidikan anak-anak, bahkan menjadi titik permulaan kepada sebuah perjalanan kehidupan yang lebih luas dan mencabar," ujarnya lagi.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video dan seterusnya penyampaian sijil serta hadiah kepada para penerima STPUB dan Brunei Cambridge GCE 'A' Level.

Pada majlis berkenaan, seramai 12 pelajar turut menerima Hadiah Anugerah Khas dan seorang penerima Anugerah Pelajar Mithali.

Majlis Hafl Al-Takharruj berkenaan diadakan bagi memartabatkan serta memperkasa pendidikan Islam dan bahasa Arab di NBD.

Majlis berkenaan juga bertujuan untuk menzahirkan kesyukuran, menghargai kecemerlangan para pelajar, serta menjadi pemangkin kepada mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Di samping itu, majlis berkenaan turut mendukung Wawasan Brunei 2035 ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut yang telah diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

# KERAJAAN KEBAWAH DYMM, KERAJAAN DIRAJA BHUTAN JALINKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Diraja Bhutan mulai 13 Julai 2026.

Majlis menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik telah diadakan di Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Puan Yang Terutama Pengiran Hairani binti Pengiran Haji Tajuddin, sementara itu Kerajaan Diraja Bhutan diwakili oleh Wakil Tetap Kerajaan Diraja Bhutan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Tenzin Rondel Wangchuk.

# Membarigakan, memasyarakatkan sejarah perjalanan kemerdekaan NBD



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Program Bicara Sejarah sempena Pesta Buku Brunei 2026 (atas). Sementara gambar kanan, sesi forum yang menampilkan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk sebagai ahli panel, manakala Awang Muhammad Ataillah bin Haji Julaihi sebagai Moderator Forum.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Julai. - Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Program Bicara Sejarah sempena Pesta Buku Brunei (PBB) 2026 dengan mengetengahkan tema 'Kesinambungan Sejarah, Kedaulatan dan Identiti Negara'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada program yang berlangsung di Pentas Kegiatan PBB 2026, Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong. Majlis turut dihadiri oleh pengarah - pengarah, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan kerajaan dan sektor swasta, ahli-ahli akademik dan mahasiswa serta mahasiswi institusi-institusi pengajian tinggi.

Program dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Seterusnya, sesi forum berlangsung dengan menampilkan Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk sebagai ahli panel, manakala Awang Muhammad Ataillah bin Haji Julaihi bertindak sebagai Moderator Forum.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata oleh tetamu kehormat majlis kepada ahli panel dan Moderator Forum, diikuti penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis.

Program bertujuan untuk membarigakan dan memasyarakatkan sejarah perjalanan kemerdekaan NBD, di samping memperkukuh penghayatan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), semangat patriotisme, serta kesetiaan kepada raja dan negara.

Program juga dihasratkan menjadi wadah ilmiah bagi meningkatkan minat masyarakat, khususnya golongan belia, terhadap sejarah negara serta membuka ruang perbincangan mengenai kesinambungan kedaulatan NBD berasaskan warisan sejarah, nilai agama dan identiti kebangsaan.



# UTB RUANG PELUANG, PERTUMBUHAN, TRANSFORMASI



NAIB Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman semasa hadir pada Minggu Orientasi UTB 2026 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.



NAIB Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman ketika berucap.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Isnin, 13 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) bukan sekadar sebuah universiti, ia adalah ruang untuk peluang, pertumbuhan, dan transformasi. Melalui program akademik, pengalaman praktikal serta penglibatan dengan industri dan masyarakat, awda akan dipersiapkan bukan sahaja untuk kerjaya, malah untuk menempuh kehidupan.

Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyatakan demikian semasa dalam Ucapan Naib Canselor bersempena Minggu Orientasi UTB 2026 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Menurut Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah, para pelajar akan dicabar untuk berfikir secara kritis, bertindak dengan bertanggungjawab, dan memberi sumbangan yang bermakna kepada dunia di sekeliling mereka.

"Pada masa yang sama, saya menggalakkan para pelajar untuk memanfaatkan sepenuhnya kehidupan kampus di luar bilik kuliah. Sertailah kelab dan persatuan, libatkan diri dalam pelbagai aktiviti, dan carilah minat serta *passion* awda.

"Pengalaman-pengalaman ini akan membantu para pelajar membina keyakinan diri, semangat kerja berkumpulan, dan kemahiran kepimpinan. Ambil peluang untuk menjalani penempatan di luar negara semasa Projek ExperiencePlus atau Projek Capstone awda," katanya.

Naib Canselor UTB seterusnya menjelaskan, memulakan kehidupan di universiti adalah sesuatu yang mengujakan dan memberi inspirasi walaupun hari pertama juga boleh agak mengelirukan. Justeru, para pelajar dinasihatkan untuk menyatu dengan komuniti UTB.

Binalah persahabatan yang kekal seumur hidup dan cungkillah potensi diri yang mungkin belum awda sedari sebelum ini serta gunakan masa itu untuk meneroka, bertanya dan berinteraksi dengan orang di sekeliling awda iaitu pensyarah, senior dan rakan-rakan pelajar yang lain, jelasnya lagi.

Tambah beliau, para pelajar juga akan berpeluang untuk berbakti kepada masyarakat yang lebih luas dan membawa perubahan positif. Pengalaman itu akan mengingatkan mereka bahawa pendidikan bukan sekadar tentang kejayaan peribadi, tetapi juga tentang memberi sumbangan kepada masyarakat dan membantu orang lain.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah seterusnya menekankan bahawa UTB mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap buli kerana pihaknya amat percaya bahawa setiap pelajar berhak mendapat persekitaran yang selamat, saling menghormati dan menyokong untuk belajar serta berkembang.

Sebarang tindakan buli, tambahnya, sama ada secara fizikal, lisan, mahupun dalam talian, akan dipandang serius dan boleh dikenakan tindakan disiplin yang boleh menjejaskan status akademik serta masa depan pelajar di universiti ini.

Tegasnya lagi, mungkin akan ada ketikanya para pelajar menghadapi cabaran dan itu adalah perkara yang lumrah. Apabila ia berlaku, jangan sesekali ragu-ragu untuk meminta bantuan. Hubungilah pensyarah awda,
ketua program, kaunselor di Pejabat Hal Ehwal Pelajar, atau Majlis Perwakilan Pelajar.

"Awda tidak bersendirian dalam perjalanan ini. Malah pelajar yang terbaik sekalipun kadangkala memerlukan bimbingan dan itulah sebahagian daripada proses pembelajaran. Sebagai Generasi Z, awda adalah warga digital (*digital natives*). Tabiat awda didominasi oleh video format pendek dan carian sosial, di mana platform seperti YouTube, TikTok, dan Instagram bertindak sebagai hab utama untuk berita, carian produk dan komunikasi. Tiada apa yang salah dengan perkara tersebut, namun penggunaan teknologi datang bersama tanggungjawab," ujarnya lagi.

Naib Canselor UTB menekankan bahawa pihak UTB mempunyai garis panduan bagi penggunaan AI generatif. Seboleh-bolehnya, gunakanlah minda untuk berfikir, jangan biarkan mesin yang menentukan segalanya untuk awda. Pemikiran kritis tetap penting dan relevan dalam era ini dan memang mudah untuk menggunakan teknologi pada zaman sekarang semuanya berada di hujung jari para pelajar.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah yakin bahawa masa yang para pelajar luangkan di UTB akan menjadi tempoh yang memuaskan, memperkaya diri, dan benar-benar transformatif. Rebutlah setiap peluang, kekalkan sifat ingin tahu, dan percayalah pada diri sendiri.

Terdahulu, dalam ucapannya menyatakan, UTB bangga kerana berjaya menempatkan diri dalam kelompok 20 universiti terbaik di Asia Tenggara menurut Times Higher Education World University Rankings (Pilot Ranking for Southeast Asia 2026).

Selain itu, katanya, UTB terus memperkukuh reputasi antarabangsanya dengan menduduki kedudukan ke-613 dalam QS World University Rankings 2027, serta diiktiraf di peringkat kebangsaan sebagai universiti No. 1 untuk Kategori Citations per Faculty.

Di samping kecemerlangan akademik, UTB juga komited terhadap agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Khususnya bagi SDG 4 iaitu Pendidikan Berkualiti, UTB berada pada kedudukan kelompok 101-300 dalam Times Higher Education Impact Rankings 2026.

Adapun UTB menyambut kedatangan kohort pelajar baharunya bagi Tahun Akademik 2026/2027 berjumlah seramai 872 pelajar, peningkatan yang ketara berbanding 670 pelajar pada tahun lepas sekali gus mencerminkan reputasi universiti yang kian meningkat dalam aspek kecemerlangan, inovasi, dan penglibatan global.

Sehubungan itu, acara dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Irfaie bin Haji Mohd. Ali, pelajar Tahun Kedua dalam bidang Kewangan Matematik.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Awang Muhammad Irfan Ali bin Haji Hasrol Bahri, pelajar Tahun Kedua Kejuruteraan Awam, manakala terjemahannya disampaikan oleh Awang Muhammad Hero Azizi @ Herozee bin Heromme, pelajar Tahun Kedua Kejuruteraan Mekatronik. Para pelajar baharu seterusnya sama-sama melafazkan Ikrar Pelajar, berjanji untuk menegakkan nilai-nilai dan tanggungjawab UTB sebagai ahli komuniti universiti.

Minggu Orientasi UTB 2026 berlangsung bermula 13 hingga 18 Julai 2026, yang dikendalikan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB).

Program tersebut dirancang untuk menyokong pelajar baharu dalam menempuhi fasa transisi ke kehidupan universiti, sekali gus melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan yang diperlukan untuk cemerlang dalam aspek akademik mahupun peribadi.

Sepanjang minggu tersebut, para pelajar akan menghadiri taklimat akademik dan pentadbiran, sesi motivasi dan kaunseling, ceramah keagamaan dan kesedaran, serta lawatan kampus dan aktiviti sukarelawan.

Petak-petak Pameran Aktiviti Kokurikulum (CCA) juga telah disediakan untuk memperkenalkan pelajar kepada kepelbagaian kelab, persatuan dan organisasi di UTB, sekali gus menggalakkan penyertaan aktif dalam kehidupan kampus serta memupuk semangat kepimpinan, kerja berpasukan dan semangat kemasyarakatan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

## HALUAN

>> Muka 2

Para hadirin, era perubahan berperingkat sudah berakhir. Saya menggalakkan setiap daripada awda untuk mengambil bahagian secara aktif, saling berkongsi pandangan dan menjalin perkongsian baharu. Cabaran yang kita hadapi-sama ada jurang digital atau keperluan untuk pembaharuan pedagogi, terlalu besar untuk diselesaikan oleh mana-mana institusi atau negara untuk menyelesaikannya sendirian. Melalui kebijaksanaan kolektif dan semangat kerjasama kita yang akan mengubah pendidikan menjadi lebih baik. Semoga simposium ini menjadi langkah yang berani dalam perjalanan itu.

Saya berharap awda semua mendapatkan hasil yang produktif dan memberi inspirasi. Semoga perbincangan sepanjang dua hari ini mengukuhkan ikatan kita, menyemarakkan imaginasi kita dan melakarkan hala tuju yang jelas ke arah inovasi, keterangkuman dan kemampanan untuk setiap pelajar di seluruh rantau kita. Dengan ini sukacita saya merasmikan Simposium Antarabangsa mengenai Pembangunan Pendidikan 2026.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Hukum Memakan Daging Wagyu yang Diberi Minum Arak

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**UMAT** Islam dituntut untuk memakan sesuatu yang halal lagi baik sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya** : *Wahai manusia! Makanlah (makanan) daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagi kamu.*

(Surah al-Baqarah : 168)

FirmanNya lagi :

**Tafsirnya** : *Dan dia (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam) menghalalkan bagi mereka yang baik-baik dan mengharamkan ke atas mereka (segala) yang buruk.*

(Surah al-A'raf : 157)

Adapun maksud "yang baik-baik" (*ath-thayyibat*) dalam ayat ini adalah yang suci untuk dimakan, tidak memudaratkan dan dianggap baik oleh jiwa manusia dan ia khusus kepada yang halal serta tidak ditegah oleh syara'. Manakala yang dimaksudkan dengan "segala yang buruk" (*al-khaba'its*) pula adalah semua yang haram di sisi syara' dan menjijikkan untuk dimakan.

Mengetahui makanan yang halal dan haram adalah perkara yang penting dan dituntut dalam Islam kerana mengetahui yang halal dan haram itu merupakan fardhu 'ain. Antara makanan yang halal dimakan ialah binatang ternakan sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

**Tafsirnya** : *Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternakan, kecuali apa yang disebutkan (mengenai haramnya) kepada kamu iaitu dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang berihram.*

(Surah al-Ma'idah : 1)

Lembu termasuk dalam binatang ternakan yang halal dimakan dagingnya. Salah satu daging lembu yang memiliki kualiti tinggi dan boleh didapati di pasaran pada masa kini sama ada dijual dalam bentuk daging mentah atau masakan yang menjadi menu sajian di restoran-restoran ialah daging Wagyu.

Wagyu berasal daripada perkataan Jepun iaitu "Wa" bererti Jepun dan "Gyu" bererti lembu atau daging lembu. Maka Wagyu adalah kombinasi dua perkataan yang bermaksud daging lembu Jepun.

Pada masa kini, selain Wagyu yang diternak di Jepun sama ada daripada baka asli lembu tempatan Jepun atau kacukan baka lembu tempatan Jepun dan baka import, terdapat juga lembu yang mempunyai baka Wagyu yang diternak di luar Jepun seperti American Wagyu dan Australian Wagyu.

Daging Wagyu terkenal sebagai daging premium yang memiliki rasa yang enak kerana pemeliharaan Wagyu tidak seperti pemeliharaan lembu-lembu biasa. Untuk menghasilkan daging Wagyu yang memenuhi keperluan pasaran, pengurusan pemakanan yang sesuai adalah sangat penting dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk kadar tumbesaran, kesihatan, kebajikan lembu, dan pembentukan lemak dalam daging. Lembu-lembu dipastikan hidup dengan bebas tekanan, persekitaran yang sentiasa bersih dan terurus. Pada asasnya, lembu dibesarkan dengan makanan bijirin. Pelbagai jenis makanan dan kombinasi makanan dikawal dengan teliti mengikut keadaan dan umur lembu, serta musim. Sebagai contoh, sebahagian penternak memberi makan lembu dengan rumput dan makanan fermentasi dalam lima bulan pertama untuk membina perut yang besar, kemudian setelah itu makanan dicampur pula dengan jerami padi, hampas arak dan sekam mengikut keseimbangan yang bersesuaian. Terdapat juga lembu-lembu yang diberi makan campuran kacang soya panggang, diberi bahan buangan makanan seperti hampas tauhu, ubi keledek, sayur yang kaya dengan protein dan makanan fermentasi. Selain itu ada juga penternak yang memberi lembu-lembu ternakan itu arak dengan tujuan merangsang selera lembu yang hilang selera makan.

Perkara seumpama ini menimbulkan keraguan dan persoalan di kalangan sebahagian masyarakat Islam tentang hukum memakan daging Wagyu yang diberi minum arak itu. Lebih-lebih lagi sebahagian orang mengatakan bahawa daging Wagyu itu haram dimakan kerana diberi minum arak. Irsyad Hukum ini akan menjelaskan mengenainya.

Dalam Islam, arak adalah najis. Menurut keterangan para ulama, binatang yang memakan atau diberi makan benda najis atau tahi disebut *al-jallalah*. *Al-jallalah* ialah binatang yang memakan atau diberi makan benda najis atau tahi sama ada banyak atau sedikit yang terdiri daripada binatang yang boleh dimakan seperti unta, lembu, kambing, ayam dan sebagainya.

Mengenai binatang *al-jallalah*, Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* telah meriwayatkan hadits Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana beliau menyebut :

**Maksudnya** : *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melarang memakan (binatang) al-jallalah dan (meminum) susunya.*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Larangan memakan binatang *al-jallalah* bukan larangan yang bersifat haram kerana larangan tersebut hanya atas sebab perubahan pada daging. Menurut para ulama antaranya Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, memakan daging *al-jallalah* hukumnya adalah makruh tanzih sebagaimana dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin, beliau menyebut :

**Ertinya** : *Makruh memakan daging binatang al-jallalah sebagai makruh tanzih menurut pendapat al-ashah sebagaimana disebut oleh sebahagian besar mereka (ulama), sebahagian daripada mereka itu ialah para ulama Iraq, Imam ar-Ruyani dan selain mereka.*

Maksud makruh *tanzih* ialah perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya akan tetapi tuntutan itu tidak sampai ke tahap wajib ditinggalkan. Jika dilakukan juga perkara tersebut, maka perbuatan itu adalah *khilaf al-awla* (menyalahi yang utama) dan tidak berdosa.

Hukum memakan *al-jallalah* sebagaimana menurut pendapat *al-ashah* adalah tertakluk kepada keadaan seperti berikut :

i) Jika terdapat perubahan pada bau, rasa atau warna binatang tersebut sama ada pada daging, peluh atau selainnya sekalipun kesannya hanya sedikit, maka hukum memakannya adalah makruh *tanzih*.

ii) Jika tidak ada perubahan berlaku pada bau, rasa atau warna binatang tersebut, maka ia harus dimakan sekalipun ia hanya memakan makanan najis.

Begitu juga harus memakan binatang *al-jallalah* yang telah berubah bau, rasa atau warna jika kesan najis yang dimakannya telah hilang setelah ia dikurung atau dikuarantin iaitu dengan diberi makanan yang suci terlebih dahulu sebelum disembelih.

Tidak ada tempoh masa tertentu dan had tertentu bagi kadar makanan suci yang diberi kepada binatang *al-jallalah*. Perkara yang diambil kira ialah apa yang diketahui atau disangka hilang bau najis daripada binatang tersebut menurut ghalib (kebiasaan). Sebagai contoh, penetapan 40 hari bagi unta, 30 hari bagi lembu, tujuh hari bagi kambing dan tiga hari bagi ayam menurut sebahagian ulama adalah berdasarkan kebiasaan.

Jika binatang *al-jallalah* itu disembelih tanpa dikurung dan diberi makan dengan makanan yang suci sebelum disembelih, kemudian setelah disembelih, dagingnya dibasuh atau dimasak, maka dalam keadaan ini, memakan daging tersebut hukumnya tetap makruh *tanzih* sekalipun dengan perbuatan membasuh dan memasak daging itu berhasil menghilangkan kesan perubahan yang ada padanya.

Berdasarkan penjelasan di atas, lembu yang diberi minum arak adalah termasuk binatang *al-jallalah*. Oleh yang demikian, hukum memakan daging Wagyu yang berasal daripada lembu yang diberi minum arak itu adalah makruh *tanzih* jika terdapat kesan arak padanya. Akan tetapi, harus memakan daging tersebut jika binatang itu dikurung atau dikuarantin dengan diberi makanan yang suci sehingga hilang kesan arak padanya sebelum disembelih.

Jika daging Wagyu itu berasal daripada lembu yang tidak diberi minum arak atau daripada makanan najis yang lain dan telah disembelih mengikut hukum syara', maka hukumnya adalah halal dan harus dimakan.

منوجو کريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
کلوأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Syukur : Kunci bahagia yang selalu dilupakan

**SYUKUR** ialah sifat mulia yang menunjukkan rasa berterima kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat yang telah dikurniakan. Nikmat Allah sangat luas dan tidak terhitung, sama ada nikmat kesihatan, keluarga, rezeki, ilmu, ketenangan mahupun udara yang kita hirup setiap hari. Orang yang bersyukur bukan sahaja mengucapkan 'alhamdulillah' dengan lisan, tetapi juga membuktikannya melalui hati yang reda dan perbuatan yang taat kepada Allah. Dengan bersyukur, hati menjadi lebih tenang hidup terasa lebih cukup dan seseorang akan lebih menghargai setiap nikmat kecil dalam kehidupan.

Allah Subhanahu Wata'ala juga menjanjikan tambahan nikmat kepada hamba-Nya yang bersyukur sebagaimana firman-Nya :

*"Sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti aku akan menambah nikmat kepadamu".*

Terjemahan makna ayat 7 : Surah Ibrahim

Oleh itu, kita hendaklah melatih diri untuk sentiasa bersyukur dalam setiap keadaan sama ada ketika senang mahupun susah kerana syukur dapat mendekatkan diri kepada Allah serta melahirkan insan yang sabar positif dan menghargai kehidupan.

Hikmah bersyukur sangat banyak dalam kehidupan manusia dan memberi kesan yang besar kepada hati, fikiran serta hubungan seseorang dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya, bersyukur dapat menjadikan hati lebih tenang dan bahagia kerana seseorang itu sentiasa melihat setiap nikmat yang diberikan Allah dengan penuh penghargaan. Orang yang bersyukur tidak terlalu fokus kepada kekurangan dalam hidupnya, sebaliknya menghargai apa yang masih dimiliki. Dengan itu, hati akan lebih damai, jauh daripada perasaan iri hati, kecewa dan gelisah.

Selain itu, sikap bersyukur juga menjadikan seseorang lebih positif dalam menjalani kehidupan. Apabila seseorang membiasakan diri melihat hikmah di sebalik setiap perkara, dia akan menjadi lebih kuat menghadapi cabaran dan tidak mudah berputus asa. Orang yang bersyukur sentiasa percaya bahawa setiap ujian mempunyai kebaikan yang tersembunyi. Setiap nikmat, walaupun ianya kecil, namun ia adalah tanda kasih sayang Allah kepada hamba-Nya. Sikap ini akan melahirkan peribadi yang lebih sabar, reda dan optimis dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, bersyukur juga dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Apabila seseorang sentiasa mengucapkan syukur, dia akan lebih banyak mengingati Allah dan menyedari bahawa segala nikmat yang dimiliki datang daripada-Nya. Perasaan ini akan mendorong seseorang untuk memperbanyakkan ibadah seperti sembahyang, berdoa, membaca Al-Quran dan melakukan kebaikan sebagai tanda terima kasih kepada Allah. Semakin seseorang bersyukur, semakin kuat hubungan hatinya dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bukan itu sahaja, sifat syukur juga akan melahirkan sikap *qana'ah* iaitu merasa cukup dengan nikmat yang dimiliki. Walaupun hidup sederhana, hati akan tetap merasa puas dan reda kerana tidak terlalu membandingkan diri dengan orang lain kerana sikap *qana'ah* ini menjadikan hidup lebih tenteram dan jauh daripada sifat tamak.

Sebagai hamba-Nya kita hendaklah melatih diri untuk menghargai setiap nikmat kecil dengan membiasakan diri mengucapkan 'alhamdulillah' setiap hari sebagai tanda syukur kepada Allah atas segala kurniaan-Nya. Walaupun nikmat itu kelihatan kecil pada pandangan manusia, sebenarnya setiap nikmat mempunyai nilai yang sangat besar dalam kehidupan. Contohnya, kita perlu belajar menghargai perkara-perkara sederhana seperti kesihatan yang baik, makanan yang mencukupi, tempat tinggal yang selesa, serta kehadiran keluarga dan sahabat yang sentiasa bersama ketika susah dan senang. Tidak semua orang berpeluang menikmati nikmat tersebut, maka kita seharusnya bersyukur dengan apa yang dimiliki.

Selain itu, kita juga perlu mengelakkan diri daripada terlalu membandingkan kehidupan dengan orang lain kerana setiap orang mempunyai rezeki, ujian, dan perjalanan hidup yang berbeza. Sikap suka membandingkan diri boleh menyebabkan hati menjadi tidak puas dan lupa terhadap nikmat yang telah Allah berikan. Sebaliknya, kita digalakkan untuk melihat kepada mereka yang lebih susah agar hati lebih lembut dan bersyukur. Membantu golongan yang memerlukan seperti bersedekah, berkongsi makanan, atau menghulurkan bantuan kecil juga dapat membuatkan seseorang lebih menghargai apa yang dimilikinya. Di samping itu, kita boleh melatih diri dengan menulis atau mengingati nikmat-nikmat yang diterima setiap hari, walaupun sekecil-kecil perkara seperti dapat bangun pagi dengan sihat, dipermudahkan urusan harian, atau menerima senyuman daripada orang sekeliling.

Oleh itu, marilah kita sentiasa mengamalkan sikap bersyukur dalam setiap keadaan agar kehidupan menjadi lebih bermakna dan diberkati. Sesungguhnya, orang yang bersyukur akan se ntiasa menemukan hikmah di sebalik ketentuan dan insyaAllah akan memperolehi ketenangan jiwa yang sebenar.

# 5 BUKU BAHARU TERBITAN DBP DILANCARKAN







**TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis pelancaran buku-buku tersebut. Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit (kiri dan kiri sekali).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Isnin, 13 Julai. - Sebanyak lima judul buku baharu telah dilancarkan dalam Majlis Pelancaran Buku Terbaharu Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini, pagi tadi.

Pelancaran buku-buku berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu, selaku tetamu kehormat.

Tetamu kehormat kemudian menyempurnakan penyampaian buku terbaharu serta dokumen perjanjian kepada para penulis sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka dalam memperkaya khazanah penerbitan negara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, para hadirin menyertai sesi membaca selama 10 minit sebelum majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah, DBP, Dayang Hajah Haireni binti Awang Haji Damit.

Majlis diserikan dengan Persembahan Bicara Berirama Bahasa Isyarat yang dipersembahkan oleh 15 peserta dari Sekolah Sunshine.

Persembahan yang bertemakan 'Bahasa Isyarat, Jambatan Komunikasi' itu bukan sahaja membuka mata tentang keindahan bahasa isyarat, malah menjadi wadah terbaik dalam memupuk kesedaran tentang kepentingan komunikasi inklusif sejak usia awal.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab; serta para pegawai kanan dari KKBS dan Kementerian Pendidikan.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasakan budaya membaca, memartabatkan bahasa dan sastera Melayu serta menyokong usaha penghasilan karya-karya berkualiti yang menyumbang kepada pembangunan ilmu dan warisan negara.




**LIMA judul buku baharu yang telah dilancarkan pada majlis berkenaan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.**

# UNISSA adakan Sambutan Hari Buku Sedunia 2026

**PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad hadir menyempurnakan Majlis pelancaran Sambutan Hari Buku Sedunia 2026 yang telah mengambil tempat di Maktabah UNISSA, Kampus Gadong.**




**GADONG**, Isnin, 13 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Maktabah UNISSA, Kampus Gadong menyambut Hari Buku Sedunia 2026 selama lima hari bermula 11 Julai hingga 18 Julai 2026.

Penganjuran ini ialah sempena menyahut sokongan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) yang telah mengisytiharkan tarikh 23 April sebagai Hari Buku Sedunia.

Majlis pelancaran Sambutan Hari Buku Sedunia 2026 telah diadakan pada 11 Julai 2026 bertempat di Maktabah UNISSA, Kampus Gadong. Majlis ini disempurnakan oleh Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Sambutan Hari Buku 2026 peringkat UNISSA ini merupakan salah satu acara tahunan dan merupakan anjuran bersama Perpustakaan, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA. Pelbagai pengisian telah dirancang untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Buku pada tahun ini.

Majlis diisi dengan sesi 'bincang-bincang buku' bertajuk 'Kaedah Kelestarian Alam Menurut Islam Ke Arah Pemerkasaan Pembangunan Mampan' yang disampaikan oleh penulis Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i dan Penolong Profesor Kanan Fakulti Syariah, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin.

Pada tahun ini, penghargaan turut diberikan kepada seorang Best Academician Patron dan seorang Best Student Patron atas pencapaian sebagai peminjam buku terbanyak di Maktabah UNISSA, Kampus Gadong. Turut diraikan ialah para pewakaf buku perpustakaan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang diberikan.

Majlis juga diteruskan dengan pelancaran Khadra Recycle Corner & Khadra Reading Corner. Perkataan Khadra diambil daripada Bahasa Arab Khadra, yang bermaksud hijau, kehijauan atau yang menghijau. Nama Khadra dipilih kerana ia melambangkan

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

nilai-nilai kelestarian, keseimbangan dan pembaharuan yang sejajar dengan usaha memupuk Minda Lestari dalam kalangan warga UNISSA.

Antara aktiviti lain yang akan diadakan sempena Hari Buku Sedunia 2026 ialah Wakaf Yaa Siin, Membaca Tahlil dan Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Islam Liau Besar Kampung Katimahar, Literasi Maklumat Media Sosial Warga (Instagram), Maktabah Earth Hour, Ummah Reads dan Penyerahan Buku Wakaf ke Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Inisiatif penganjuran program ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya dalam aspek Pendidikan Berkualiti (SDG4), Bandar dan Komuniti Mampan (SDG11), Konsumsi dan Produksi yang Bertanggungjawab (SDG12) dan Penanganan Perubahan Iklim (SDG13) yang bertujuan untuk memupuk budaya kelestarian alam sekali gus budaya membaca di dalam diri setiap warga UNISSA.

# MINGGU ORIENTASI PB RAIKAN 894 PELAJAR BAHARU



**PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei (PB), Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman ketika menyampaikan ucapan.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 14 Julai. - Politeknik Brunei (PB) mengadakan Minggu Orientasi bagi Pelajar Baharu Pengambilan Ke-16 (pengambilan pertama), Sesi Julai 2026, Tahun Akademik 2026/2027.

Program selama tiga hari itu berlangsung pada 14, 16, dan 18 Julai 2026 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Seramai 894 pelajar baharu, terdiri daripada 405 pelajar lelaki dan 489 pelajar perempuan, menghadiri Minggu Orientasi bagi Sesi Julai 2026 tersebut.

Pelajar-pelajar akan menjalani pembelajaran di bawah 24 program Diploma Tahap 5 yang ditawarkan oleh lima buah sekolah, iaitu Sekolah Perdagangan (SBS), Sekolah Komunikasi dan Teknologi Maklumat (SICT), Sekolah Sains Kesihatan (SHS), Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE), dan Sekolah Petrokimia (SPC).

Hadir selaku tetamu kehormat pada sesi orientasi yang berlangsung pagi tadi ialah Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah PB antara lain mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya memasuki PB.

Pengiran Dr. Saiful Baharin juga mengambil kesempatan untuk mengumumkan pelaksanaan modul teras baharu, 'Green and Digital Literacy for Sustainability (GDLS)', yang akan diajar buat pertama kali kepada pelajar Pengambilan Ke-16, Sesi Julai 2026.

Modul ini merupakan sebahagian daripada usaha PB untuk memperkukuh literasi hijau dan digital ke arah pembangunan mampan.

Acara seterusnya diikuti dengan bacaan Lafaz Ikrar oleh pelajar baharu Pengambilan Ke-16, Sesi Julai 2026, Tahun Akademik 2026/2027, yang diketuai oleh Awang Abdul Muhamad Muzaffar bin Ahmad Saufi, pelajar Diploma Tahap 5 dalam Program Pengurusan Modal Insan, SBS, Politeknik Brunei.

Tujuan utama penganjuran Minggu Orientasi ini adalah untuk menyediakan pelajar-pelajar menghadapi pembelajaran dalam persekitaran baharu.

Minggu Orientasi pada tahun ini diisi dengan pelbagai taklimat, sesi perkongsian, aktiviti kepimpinan dan kerohanian, serta bengkel kerjasama.

Kesemua aktiviti berkenaan bertujuan untuk membantu para pelajar mengenali PB dengan lebih dekat, menyesuaikan diri dengan suasana baharu, memudahkan mereka berkenalan dengan rakan-rakan, serta memberikan gambaran tentang kehidupan sebagai pelajar di PB.



**PEMANGKU Pengarah PB hadir selaku tetamu kehormat pada sesi orientasi.**



**BACAAN Lafaz Ikrar oleh pelajar baharu Pengambilan Ke-16, Sesi Julai 2026, Tahun Akademik 2026/2027, telah diketuai oleh Awang Abdul Muhamad Muzaffar bin Ahmad Saufi, pelajar Diploma Tahap 5 dalam Program Pengurusan Modal Insan, Sekolah Perdagangan, PB.**



# MINDA PEMBACA

## Keselamatan data peribadi dalam era digital

**Bayangkan** dalam sekelip mata, simpanan wang dalam akaun bank lesap, identiti disalahgunakan dan privasi awda diceroboh hanya kerana satu klik atau perkongsian maklumat yang dianggap remeh. Fenomena ini bukan lagi sekadar andaian, malah menjadi realiti yang semakin membimbangkan dalam dunia digital tanpa sempadan hari ini.

Era digital adalah zaman moden yang berteraskan penggunaan teknologi maklumat seperti internet, telefon pintar dan komputer dalam hampir semua aspek kehidupan, membolehkan maklumat diakses dengan pantas tanpa batasan masa dan tempat. Namun, di sebalik kemudahan ini, tersembunyi ancaman jenayah siber yang semakin kompleks dan sukar dikesan.

Antara punca utama kebocoran data peribadi ialah sikap pengguna yang kurang berwaspada. Penggunaan kata laluan yang lemah atau berulang bagi pelbagai akaun membuka ruang kepada penggodam untuk menceroboh maklumat sensitif. Selain itu, kecuaian menekan pautan tidak sah melalui e-mel atau mesej turut menjadi pintu masuk utama kepada serangan siber.

Lebih membimbangkan, perkongsian maklumat peribadi secara berlebihan di media sosial seperti nombor kad pengenalan, lokasi semasa dan butiran kewangan boleh dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Laman sesawang atau aplikasi tidak selamat juga meningkatkan risiko kecurian data yang boleh membawa kepada kerugian kewangan dan tekanan emosi.

Sejajar dengan nilai Melayu Islam Beraja yang menekankan amanah, disiplin dan tanggungjawab, setiap individu perlu menjadi benteng utama dalam melindungi data peribadi. Amalan keselamatan digital seperti penggunaan kata laluan kukuh, pengesahan dua faktor dan sikap berhati-hati sebelum berkongsi maklumat wajar dijadikan budaya harian.

Kesimpulannya, keselamatan data peribadi bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan keperluan penting dalam era digital masa kini. Setiap langkah kecil yang diambil hari ini mampu mengelakkan kerugian besar pada masa hadapan, sekali gus membantu mewujudkan masyarakat yang celik digital, beretika dan bertanggungjawab. Jadilah pengguna bijak - lindungi maklumat peribadi awda.

**Nama : Muhammad Nur Azim Bin Roslan**
**No. K/P : 01-043XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'.** Tarikh Tutup : **15 Julai 2026**
2. **'Pencemaran di Lautan: Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'.** Tarikh Tutup : **22 Julai 2026**
3. **'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'.** Tarikh Tutup : **29 Julai 2026**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# INISIATIF HPS GLOW CIPTA PERUBAHAN POSITIF DI SEKOLAH

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Isnin, 13 Julai. - Kejayaan meraih Anugerah Emas pada Majlis Anugerah Sekolah Mempromosi Kesihatan Health Promoting School Growing, Learning, Optimizing towards better Well-being in School (HPS GLOW) 2026 baru-baru ini, menjadi pengiktirafan terhadap komitmen berterusan sekolah dalam membudayakan amalan hidup sihat melalui penglibatan menyeluruh warga sekolah, ibu bapa dan komuniti di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong kesejahteraan seluruh warga sekolah.

Bagi Kategori Sekolah Rendah, Sekolah Rendah Tanjong Kindana muncul sebagai antara penerima Anugerah Emas hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif yang menitikberatkan aspek kesihatan fizikal, mental dan sosial murid melalui pendekatan yang melibatkan seluruh warga sekolah.

Guru Besar Sekolah Rendah Tanjong Kindana, Awang Mohd. Salleh Hamidy bin Awang Julidy berkata, kejayaan sekolah berkenaan adalah hasil pelaksanaan Program HPS GLOW menerusi tema 'GLOW : Journey to Wellness', yang memberi penekanan kepada pembentukan gaya hidup sihat secara menyeluruh melalui pembelajaran secara praktikal dan penglibatan komuniti setempat.

Menurut beliau, antara projek utama yang dilaksanakan ialah 'Kebun Kitani', yang memberi peluang kepada murid menanam pelbagai tanaman makanan sebelum hasilnya digunakan dalam aktiviti memasak sihat dan diintegrasikan dalam pembelajaran STEAM bagi memberi pengalaman pembelajaran secara *farm-to-table*.

Selain itu, Projek Vibrant Walls melibatkan kerjasama erat antara murid, ibu bapa dan warga sekolah dalam menghias pasu tanaman dengan mural bertemakan gaya hidup sihat, sekali gus menjadikan kawasan sekolah sebagai persekitaran pembelajaran yang menggalakkan amalan hidup sihat.

Program Kebun Cilik pula memberi pengalaman kepada murid menuai hasil tanaman sendiri dan menyediakan makanan sihat sambil mempelajari nilai pemakanan, kebersihan serta kerja berpasukan. Manakala Program Water Wins! Sip Sip Hooray! membudayakan amalan minum air kosong melalui sistem pemantauan, ganjaran dan pelantikan Water Monitor dalam kalangan murid bagi memupuk tabiat hidrasi yang sihat.

"Kesemua projek ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada kesihatan fizikal, malah membina kemahiran kepimpinan, tanggungjawab, kreativiti serta kerjasama antara sekolah, ibu bapa dan masyarakat," ujar beliau.

Program HPS GLOW melibatkan sekitar 114 murid dari Pra hingga Tahun 6 serta 15 guru serta dibantu oleh kakitangan sekolah, dengan sokongan padu daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa, agensi kerajaan dan rakan strategik komuniti. "Penglibatan menyeluruh semua pihak inilah yang menjadi kekuatan utama sehingga sekolah berjaya menerima Anugerah Best PTA Engagement," tambahnya.

Beliau berkata, pelaksanaan program berkenaan telah membawa pelbagai perubahan positif. Antaranya, kadar penerimaan murid terhadap sayur-sayuran meningkat daripada 44.7 peratus kepada 95.2 peratus selepas mengikuti aktiviti Kebun Cilik.

Selain itu, amalan minum air kosong turut menunjukkan peningkatan yang ketara apabila bilangan murid yang mampu menghabiskan sebotol air 600 mililiter meningkat daripada 16.12 peratus kepada lebih 70 peratus, malah pernah mencapai 90.3 peratus.

"Dari sudut sahsiah, murid menjadi lebih bertanggungjawab, bekerjasama dan lebih menghargai alam sekitar melalui aktiviti berkebun serta pembelajaran berasaskan projek. Hubungan antara sekolah dan ibu bapa juga semakin erat hasil penglibatan aktif mereka dalam pelbagai aktiviti GLOW," jelas beliau.

Menurutnya, penganugerahan GLOW Gold School, Best GLOW Focal Person dan Best PTA Engagement Award bukanlah penamat, sebaliknya menjadi pemangkin untuk terus berinovasi dalam meningkatkan kesejahteraan murid serta melahirkan generasi yang sihat, berdaya tahan dan seimbang dari segi akademik, fizikal serta emosi.

"Harapan kami ialah agar budaya hidup sihat yang telah dibentuk ini dapat diteruskan sebagai sebahagian daripada amalan harian warga sekolah dan bukan sekadar sebuah projek.

"Kami juga berharap pengalaman Sekolah Rendah Tanjong Kindana dapat menjadi inspirasi kepada sekolah-sekolah lain bahawa dengan kerjasama yang kukuh antara sekolah, ibu bapa, komuniti dan agensi luar, sekolah kecil juga mampu menghasilkan impak yang besar," terang beliau.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan dan tenaga pengajar di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong, Awang Haji Mohammad Farizam Haji Mohamed Yakob berkata kejayaan sekolah itu memperoleh Anugerah Emas adalah hasil pelaksanaan HPS GLOW secara menyeluruh berdasarkan empat matlamat utama, iaitu pemakanan sihat, kebersihan diri, aktiviti promosi kesihatan dan promosi kesihatan di tempat kerja. Kejayaan program ini banyak bergantung kepada kerjasama antara jabatan, di mana setiap jabatan menyumbang mengikut kepakaran dan kekuatan masing-masing.

Beliau berkata, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, antaranya kempen Fruits in My Diet, penyediaan makanan seimbang, program Bring Your Own Tumbler, bagi menggalakkan pengambilan air kosong, program pemantauan kebersihan kuku melalui My Personal Scentiva, pengumpulan data Indeks Jisim Badan (BMI), kempen Buli Dong Sa (Say No to Bullies), pelbagai program kesedaran kesihatan serta cabaran penurunan berat badan dan cabaran Strava bagi guru serta kakitangan sekolah.

"Kesemua program ini dirancang bagi membudayakan amalan hidup sihat dalam kalangan warga sekolah dan kejayaannya banyak bergantung kepada kerjasama semua jabatan yang menyumbang mengikut kepakaran masing-masing," katanya.

Program tersebut tambahnya melibatkan keseluruhan warga sekolah yang terdiri daripada 650 murid serta 95 guru dan kakitangan, sekali gus memastikan setiap warga sekolah memainkan peranan dalam menjayakan inisiatif kesihatan yang dirancang.

Menurut beliau, antara pencapaian yang membanggakan ialah kejayaan Program Bring Your Own Tumbler, yang menyaksikan majoriti murid dan guru kini membawa botol atau tumbler sendiri bagi mengisi semula air minuman di sekolah. Program My Personal Scentiva pula berjaya mengurangkan kira-kira 60 peratus bilangan murid yang berkuku panjang, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kebersihan diri.

Dalam kalangan guru dan kakitangan, Cabaran Penurunan Berat Badan berjaya mencatatkan pengurangan berat badan keseluruhan sebanyak 170 kilogram, manakala murid turut menunjukkan peningkatan dalam pengambilan buah-buahan sebagai sebahagian daripada amalan pemakanan harian.

Beliau berharap budaya hidup sihat akan terus menjadi sebahagian daripada amalan harian warga sekolah dan tidak hanya tertumpu kepada pelaksanaan sesuatu program sahaja.

"Kami juga berharap lebih banyak program kesihatan dapat diterajui oleh murid sendiri. Apabila mereka diberi peluang untuk merancang dan memimpin aktiviti, mereka akan lebih bertanggungjawab serta mampu mempengaruhi rakan-rakan ke arah amalan hidup sihat. Dengan sokongan berterusan daripada ibu bapa dan komuniti, kami yakin usaha ini akan memberikan impak yang lebih besar dan berkekalan," katanya.




**GURU Besar Sekolah Rendah Tanjong Kindana, Awang Mohd. Salleh Hamidy bin Awang Julidy, dengan Anugerah Emas bagi Kategori Sekolah Rendah.**



**PARA ahli daripada Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong semasa sesi bergambar ramai.**


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
SEMPENA
SAMBUTAN ULANG TAHUN
KE - 80
HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Disembahkan Dengan Tulus Ikhlas
daripada Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
جابتن ڤردان منتري
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Hari Rabu, 29 Muharram 1448H bersamaan 15 Julai 2026M
ke 80 Tahun
Ya Allah, Lanjutkan Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam
Kekal Qarar Memerintah Negara
Tulus Ikhlas Disembahkan Daripada
Kementerian Pertahanan
Negara Brunei Darussalam
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pertahanan
www.mindef.gov.bn
@mindefbrunei


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
SEMPENA MENYAMBUT
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE - 80 TAHUN
Sembah Ucapan Tulus Ikhlas Daripada
كمنترين كواڠن
KEMENTERIAN KEWANGAN
Ministry of Finance Brunei Darussalam
@mofbrunei
www.mof.gov.bn


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Ke-80 Tahun
29 Muharram 1448H / 15 Julai 2026M
"Ya Allah, lanjutkanlah usia Kebawah
Duli Tuan Patik dan kekal qarar
di atas takhta singgahsana"
Disembahkan daripada
كمنترين حال احوال لوار نݢري
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

**"YA ALLAH, LANJUTKANLAH USIA KEBAWAH DULI TUAN PATIK DAN KEKAL QARAR MEMERINTAH NEGARA"**



دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK

**29 MUHARRAM 1448 | 15 JULAI 2026**

كمنترين ايكونومي، ڤرداڬڠن دان ايندوستري

MINISTRY OF ECONOMY, TRADE AND INDUSTRY

WWW.METI.GOV.BN | METI_BRUNEI | 2382136



دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

*Daulat Kebawah Duli Tuan Patik*

Merafak Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan

*ke* **80** *Tahun*

29hb., Muharram 1448 | 15hb., Julai 2026

*"Ya Allah, Lanjutkanlah Usia Baginda dalam Keafiatan dan Kekal Qarar Memerintah Negara"*

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada

كمنترين حال احوال دالم نڬري
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke - 80 Tahun
29 Muharram 1448 Bersamaan 15 Julai 2026
Dengan Iringan Doa
Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala Melanjutkan Usia
Kebawah Duli Tuan Patik,
Dalam Perlindungan Dan Limpahan RahmatNya
Memerintah Dengan 'Inayah Serta
Hidayah Allah Subhanahu Wa Ta'ala
Sentiasa Mendapat Berkat, Sihat, 'Afiat Dan Bahagia
Disembahkan Dengan Tulus Ikhlas Daripada
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
2382525 \ 2382301 \ 2382302
WWW.MORA.GOV.BN
KHEU.BRUNEI



دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke 80 Tahun
"Ya Allah, lanjutkanlah usia Kebawah Duli Tuan Patik dan kekal qarar di atas takhta singgahsana"
کمنترين کصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
80
درݢهايو
Dirgahayu
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Ke-80 Tahun Pada Hari Rabu, 29 Muharram 1448 Hijrah
Bersamaan 15 Julai 2026 Masihi
Tulus Ikhlas Disembahkan Daripada:
كمنترين ڤمباڠونن
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

# Sembah Tahniah

Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Dalam usaha memartabatkan permainan tradisi berkenaan, beliau menjelaskan bahawa Jabatan Muzium-Muzium juga telah mengadakan beberapa bengkel dan program untuk memperkenalkan permainan tradisi ke sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Jelasnya, bengkel dan program berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Beliau seterusnya berharap agar menerusi bengkel dan program yang telah diadakan pada masa kini dan sebelumnya, orang ramai akan lebih mengetahui tentang permainan tradisi Brunei.

# 5 warganegara asing didakwa akibat pas imigresen mansuh

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengongsikan lima sesi pendakwaan yang telah dijalankan bagi kes di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mansuh.

Abu Bakar, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 31 tahun mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman telah berkuat kuasa pada 23 April 2026.

Sementara Billal, juga seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 44 tahun telah mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman telah berkuat kuasa pada 5 Mei 2026.

Manakala Litas Kunu Ilaiha, seorang perempuan warganegara Republik Indonesia berumur 32 tahun telah mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama lima bulan dan denda sebanyak BND1,000 bagi gantian sebat.

Kegagalan individu untuk membayar denda berkenaan menjadikan jumlah keseluruhan pemenjaraan kepada enam bulan. Hukuman telah berkuat kuasa pada 26 Mei 2026.

Sementara Abadul Islam, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 38 tahun mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2026.

Manakala Deni Dwi Saputra, seorang lelaki warganegara Republik Indonesia berumur 25 tahun mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan. Hukuman telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2026.

JIPK sukacita mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk berhubung terus ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

# Alai Pintar

SOALAN 177

## SOALAN 15 JULAI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Di manakah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan?
   a) Istana Nurul Iman
   b) Istana Darussalam
   c) Istana Nurul Izzah
2. Pada tahun bilakah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diisytiharkan sebagai Pengiran Muda Mahkota?
   a) 1970
   b) 1916
   c) 1961
3. Siapakah ayahanda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam?
   a) Sultan Ahmad Tajuddin
   b) Sultan Sharif Ali
   c) Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien

TARIKH TUTUP : 30 JULAI 2026

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai Berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau e-mel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ........................................
Tarikh Lahir : ........................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ........................................
Sekolah : ........................................
Tahun : ........................................
Alamat : ........................................
........................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ........................................

JAWAPAN SOALAN 176 : S1 B S2 A S3 A

## HADIAH PEMENANG

3X BAUCER BND40 BAGI ALAI YANG MENJAWAP DENGAN TEPAT

*UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA LEBIH DARI 3 ORANG PEMENANG

## PEMENANG ALAI PINTAR :

Nama : **Nur Aldariya Syafiqah @ Radhiyyah Sofia binti Abdul Rahman @ Iskandar Dzulkarnain**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0171207-01**. Sekolah : **Sekolah Al-Falaah**

Nama : **Nur Al Fathiyyah binti Mohammad Abul Auni**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **0158433**. Sekolah : **Sekolah Rendah Datu Mahawangsa, Lambak**

Nama : **Waziha Fatin**
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : **51-553554**. Sekolah : **Sekolah Learning Tree**

# Merafak sembah menjunjung kasih

**Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Tutong**



## DAERAH BRUNEI DAN MUARA

**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.**

**Bismillahi Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursyaleen Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasahbihie Ajmae'en.**

**ALHAMDULILAH,** segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam kesempatan yang amat berharga ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik selaku Pengerusi Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) serta mewakili segenap lapisan rakyat dan penduduk di DBM merafakkan sembah rasa kesyukuran sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik Ke-80 Tahun.

Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD), abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik amatlah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik, NBD terus berada dalam arus kemajuan dan terus menerus memberikan perhatian kepada hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk NBD.

Seterusnya abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat serta takzimnya merafakkan sembah menyembahkan ucapan menjunjung kasih dan kesyukuran di atas Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-80 Tahun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dengan iringan doa semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan kerabat diraja serta ahli keluarga sentiasa akan sentiasa dalam perlindungan dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat, kekal karar di atas takhta singgahsana dan memerintah negara ini dengan petunjuk serta hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



## DAERAH TUTONG

**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.**

**Bismillahi Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursyaleen Sayyidina Muhammadin, Wa'ala 'Alihi Wasahbihie Ajmae'en.**

**ALHAMDULILLAH,** segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita telah diberi kesempatan untuk menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun pada hari ini, 15 Julai 2026.

Seluruh rakyat dan penduduk di Daerah Tutong, pastinya sangat-sangat menantikan tarikh gemilang 15 Julai setiap tahun. Dengan penuh kegembiraan dan keceriaan menjunjung kasih serta taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pelbagai kemajuan dan perkembangan telah dicapai. Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan seorang raja yang terkenal dengan sifat pemedulian dengan sentiasa mengambil berat akan kebajikan rakyat dan penduduknya. Lantaran itu, pelbagai kemudahan asas dinikmati oleh rakyat dan penduduk agar mereka hidup dalam suasana aman, damai dan sejahtera.

Kemudahan-kemudahan awam seperti hospital, klinik-klinik kesihatan, masjid, surau dan balai ibadat, sekolah-sekolah, kemudahan lain seperti elektrik, air, perluasan *connectivity internet* dan jalan-jalan raya di kawasan Pekan Tutong serta di kawasan pedalaman Daerah Tutong turut menerima perubahan dan penaiktarafan.

Sebagai perkongsian bersama, seluruh rakyat dan penduduk di Daerah Tutong menantikan bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun, gerai perayaan dan juga acara-acara pentas perayaan akan diadakan di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mulai tarikh gemilang 15 Julai 2026.

Sehubungan itu, mengakhiri ucapan sembah kesyukuran bagi mewakili seluruh rakyat dan penduduk Daerah Tutong, ucapan sembah kesyukuran dan taat setia ini, dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan Selamat Hari Keputeraan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun dengan iringan doa semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Merafak sembah menjunjung kasih

**Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Temburong**



## DAERAH BELAIT

**PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.**

**Bismillahi Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddin, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Alihi Wasahbihee Ajma'een Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**ALHAMDULILLAH,** segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan inayah dan izin-Nya jua kita telah diberi kesempatan sekali lagi untuk menyambut Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun pada 15 Julai 2026.

Di kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik bagi mewakili Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait serta mewakili seluruh warga Perkhidmatan Awam, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta segenap lapisan rakyat dan penduduk Daerah Belait dengan penuh hormat dan takzim sukacita merafakkan sembah ucapan rasa kesyukuran sempena Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik yang Ke-80 Tahun. Seterusnya menyembahkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan akan sentiasa mendukung kepimpinan baginda.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, rakyat serta penduduk Daerah Belait sekali lagi diberikan kesempatan untuk menyambut dan meraikan Sambutan Perayaan bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun yang jatuhnya pada Rabu, 29 Muharam 1448 bersamaan dengan 15 Julai 2026. Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya Daerah Belait, hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik amatlah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik, NBD terus melangkah maju, di samping sentiasa mengutamakan kebajikan serta kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga berdoa semoga Kebawah Duli Tuan Patik serta kerabat diraja sekalian, dilanjutkan usia dan sentiasa berada dalam perlindungan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, aman sejahtera serta kekal karar memerintah turun temurun di atas takhta singgahsana kerajaan dan NBD, terus berada dalam keadaan aman, damai, serta dengan rahmat, taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## DAERAH TEMBURONG

**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Hasan Baha bin Haji Umar.**




**Bismillahi Rahmanir Rahim Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiyaa Wal Mursyaleen, Wa'ala Alihi Wasahbihie Ajmae'en.**

**SEGALA** puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita sekali lagi dapat menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80.

Bagi seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong, sambutan ini merupakan kesempatan untuk menjunjung kasih serta menzahirkan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Kami amat bersyukur atas kepimpinan baginda yang bijaksana dalam memacu kemajuan negara, menjaga kebajikan rakyat serta membawa pembangunan yang dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mewakili warga Perkhidmatan Awam, Penghulu - penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta seluruh rakyat dan penduduk Daerah Temburong dengan penuh hormat merafakkan sembah setinggi-tinggi tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-80.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia lanjut usia, sihat walafiat, kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam serta sentiasa berada di bawah perlindungan dan hidayah-Nya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

# BERI PENDEDAHAN, KEMAHIRAN PRAKTIKAL PEMBUATAN KEK

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Julai. - Dalam usaha berterusan memperkukuh sokongan terhadap Rakan Seliaan (RS), Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) meneruskan komitmennya dengan menganjurkan Program Kemahiran Hidup : Pembuatan Kek Asas melalui kerjasama strategik bersama Sir Halawi Studio Hub.

Bengkel tersebut telah diadakan baru - baru ini bertempat di Pejabat AFSA, Jalan Kebangsaan. Program tersebut disertai oleh seramai lapan peserta, terdiri daripada enam peserta di bawah Skim Pelepasan Sementara (SPS), seorang RS dan seorang peserta awam.

Hadir sama pada acara tersebut ialah Yang Dipertua Persatuan AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya dan Ahli-ahli AFSA.

Adapun tujuan diadakan adalah untuk memberikan pendedahan serta kemahiran praktikal dalam seni pembuatan kek yang boleh dimanfaatkan oleh para peserta sebagai asas untuk memulakan perniagaan



BENGKEL tersebut telah disertai oleh seramai lapan peserta, terdiri daripada enam peserta di bawah Skim Pelepasan Sementara, seorang Rakan Seliaan dan seorang peserta awam.

## Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

**MULAUT**, Isnin, 13 Julai. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah mengeluarkan tawaran kompaun di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), ke atas sebuah syarikat kerana didapati membuang sampah secara tidak teratur di kawasan Kampung Mulaut, Mukim Kilanas.

Syarikat tersebut ialah Payara Sdn. Bhd. dan dikena kompaun sebanyak BND500 atas kesalahan Bab 12(1)(a). Syarikat tersebut telah diambil tindakan kompaun dan diarahkan untuk menjelaskan kompaun dalam masa 7 hari.

Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



PAYARA Sdn. Bhd. telah dikena kompaun di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30) kerana didapati membuang sampah secara tidak teratur di kawasan Kampung Mulaut, Mukim Kilanas.




## Selera Kampong Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Begedil

## Kampung Selayun

**BAHAN-BAHANNYA :**

Ubi Kentang
Daging kisar halus (dimasak)
Bawang merah (digoreng)
Daun sup / bawang (hiris)
Lada merah hidup (hiris)
Perasa (Garam & Ajinomoto)
1 biji telur

**CARA-CARA MEMASAKNYA :**

Ubi kentang dipotong empat dan digoreng sehingga empuk, kemudian hancurkan dan gaulkan semua bahan-bahan daging kisar halus yang sudah di masak, bawang merah goreng, hirisan daun sup / daun bawang, lada merah hidup dan tambah perasa garam dan ajinomoto sedikit. Buatkan bentuk bulat dan leperkan sedikit. Pecahkan sebiji telur dan kacaukan sebati. Celup begedil dan goreng di dalam minyak yang sudah dipanaskan di dalam kuali.

Berita Global

# REPUBLIK SINGAPURA SUMBANG USD2 JUTA SOKONG USAHA BENDUNG WABAK EBOLA DI CONGO, UGANDA

**REPUBLIK SINGAPURA**, 14 Julai. - Republik Singapura akan menyumbang USD2 juta (USD1=RM4.07) bagi menyokong usaha antarabangsa yang sedang dijalankan untuk membendung penularan wabak Penyakit Virus Ebola Bundibugyo (BVD) di Congo dan Uganda.

Sumbangan itu akan disalurkan menerusi Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi menyokong Pelan Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Benua Bersama yang dilancarkan pada 5 Jun 2026.

Dalam kenyataan bersama, Kementerian Kesihatan dan Agensi Penyakit Berjangkit memaklumkan sumbangan Republik Singapura akan menyokong usaha di lapangan meliputi ujian makmal, pengesanan kontak, langkah pencegahan dan kawalan jangkitan serta pengurusan kes.

Sumbangan itu akan digunakan untuk memperoleh bekalan penting termasuk peralatan diagnostik dan makmal, peralatan perlindungan diri (PPE) serta ubat-ubatan penting.

Menteri Kesihatan danMenteri Penyelaras bagi Dasar Sosial Singapura Ong Ye Kung berkata wabak BVD di Congo dan Uganda berkembang dengan pantas serta memerlukan tindak balas antarabangsa yang segera dan terselaras.

"Kami mengutamakan sumbangan ini bagi memastikan bekalan yang diperlukan dapat disalurkan dengan segera ke lokasi yang memerlukannya, di samping menyokong petugas kesihatan di barisan hadapan.

"Keselamatan kesihatan global merupakan tanggungjawab bersama dan Republik Singapura sentiasa percaya kepada peranannya sebagai rakan yang boleh dipercayai ketika diperlukan," katanya pada Selasa.

Wabak BVD diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Membimbangkan Antarabangsa oleh WHO pada 17 Mei, manakala Africa CDC mengisytiharkannya sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Keselamatan Benua pada 18 Mei tahun ini. - ©BERNAMA

# Gempa bumi 5.5 skala Richter landa Peru - GFZ

**BEIJING**, 14 Julai. - Gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter menggegarkan tengah Peru pada 0821 GMT Selasa, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa itu pada awalnya dikesan pada kedalaman 103.2 kilometer, di 14.57 darjah selatan dan 71.36 darjah barat. - ©BERNAMA

# Volkswagen mungkin kurangkan 50,000 lagi pekerjaan di seluruh dunia

**BERLIN**, 14 Julai. - Ketua Pegawai Eksekutif Volkswagen Oliver Blume memaklumkan pekerja bahawa pengeluar kereta Republik Persekutuan Jerman itu mungkin perlu mengurangkan sehingga 50,000 lagi pekerjaan di seluruh dunia sekiranya gagal menurunkan kos tetap yang masih jauh lebih tinggi berbanding pesaingnya, lapor Anadolu Ajansi memetik laporan media.

Dalam wawancara dalaman yang disiarkan menerusi intranet syarikat, Blume berkata fungsi pentadbiran dan sokongan di Volkswagen masih kira-kira 20 peratus lebih mahal berbanding pengeluar kereta setanding, menurut mingguan Jerman Der Spiegel.

Beliau memberi amaran bahawa kegagalan merapatkan jurang itu secara teorinya boleh menyebabkan pengurangan pekerjaan dalam jumlah besar, namun berkata angka akhir mungkin lebih rendah sekiranya langkah lain bagi mengurangkan kos buruh berjaya dilaksanakan.

Amaran itu dibuat selain rancangan sedia ada untuk mengurangkan kira-kira 50,000 pekerjaan di Volkswagen, Audi dan jenama lain di bawah kumpulan berkenaan menjelang 2030.

Blume berkata syarikat itu "berada di landasan tepat" untuk mencapai sasaran berkenaan dan menjangka lebih separuh daripada pengurangan itu dapat dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

Volkswagen, pengeluar kereta terbesar di Eropah sejak beberapa tahun kebelakangan ini berdepan permintaan yang lembap, kos pengeluaran yang kekal tinggi di Republik Persekutuan Jerman, kesan negatif ketegangan perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) serta persaingan sengit daripada pengeluar kenderaan elektrik Republik Rakyat China.

Der Spiegel minggu lepas melaporkan syarikat itu berhasrat menamatkan pengeluaran kenderaan di empat kilang di Republik Persekutuan Jerman, dengan menghentikan pengeluaran di kilangnya di Zwickau dan Emden dalam tempoh lima tahun, diikuti kilang kenderaan komersial di Hanover pada 2032 dan kilang Audi di Neckarsulm pada 2034.

Pendedahan dalaman itu mengundang kritikan keras daripada wakil pekerja yang menuduh pihak pengurusan membiarkan pekerja terus berada dalam ketidakpastian.

Ketua majlis pekerja Volkswagen Daniela Cavallo berkata Blume "jelas sekali selama berminggu-minggu tidak menganggap perlu" untuk memaklumkan "puluhan ribu pekerja yang benar-benar resah, malah ketakutan" mengenai perkara utama dalam rancangan penstrukturan semula itu.

Minggu lepas, kesatuan IG Metall mengadakan bantahan di beberapa kilang dan kemudahan Volkswagen di seluruh negara. - ©BERNAMA

# Program Haji, Umrah dan Ziarah Penjaga Dua Masjid Suci sedia khidmat penerangan, bimbingan

**MADINAH**, 13 Julai. - Jawatankuasa Syariah Program Haji, Umrah dan Ziarah Penjaga Dua Masjid Suci bagi musim 1448 Hijrah terus menyediakan pelbagai khidmat penerangan dan bimbingan kepada tetamu program berkenaan. Program itu dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi.

Agensi Berita Saudi (SPA) melaporkan inisiatif berkenaan bertujuan meningkatkan pemahaman tetamu mengenai hukum syarak berkaitan ibadah umrah dan ziarah, sekali gus membantu mereka melaksanakan ibadah mengikut ajaran Islam.

Antara khidmat yang disediakan ialah menjawab pertanyaan berkaitan hukum syarak, memberikan penerangan mengenai lokasi yang dibenarkan untuk diziarahi di Madinah serta menjelaskan tatacara dan hukum berkaitan ibadah umrah.

Jawatankuasa itu turut mengadakan sesi bimbingan dan ceramah mengenai umrah dan ziarah. Perkhidmatan berkenaan dikendalikan oleh pendakwah dan penterjemah terpilih bagi memastikan maklumat serta panduan dapat disampaikan dengan jelas dan berkesan dalam bahasa tetamu masing-masing.

Khidmat penerangan dan bimbingan itu merupakan sebahagian daripada program pendidikan dan kebudayaan yang disediakan kementerian kepada tetamu Program Haji, Umrah dan Ziarah Penjaga Dua Masjid Suci. Program berkenaan turut bertujuan memperkaya pengalaman kerohanian dan pengetahuan tetamu sepanjang berada di Arab Saudi. - ©BERNAMA

# Republik Korea Selatan bakal lancar Setiausaha Perundangan AI untuk penjawat awam

**SEOUL**, 13 Julai. - Kerajaan Republik Korea Selatan telah membangunkan perkhidmatan "setiausaha undang-undang AI" yang boleh dirujuk oleh penjawat awam ketika mengkaji asas undang-undang dalam perancangan dan pelaksanaan dasar.

Perkhidmatan itu dilaksanakan secara percubaan minggu ini, lapor Agensi Berita Yonhap, memetik pegawai pada Isnin.

Perkhidmatan Kecerdasan Buatan (AI), yang akan tersedia mulai Selasa, dilengkapi dengan kira-kira 240,000 keputusan kehakiman terdahulu, undang-undang dan peraturan, selain boleh menjawab pelbagai pertanyaan undang-undang daripada pegawai, menurut kementerian perundangan kerajaan.

Kementerian itu membangunkan perkhidmatan tersebutdengan kerjasama kementerian dalam negeri dan kementerian sains.

Model asas AI buatan sendiri digunakan untuk menjana respons dan perkhidmatan itu hanya berfungsi sebagai rujukan sementara dan bukannya penghakiman undang-undang muktamad, kata pegawai.

"Mentafsir dan melaksanakan undang-undang adalah antara tugas paling mencabar untuk perkhidmatan awam kerana ia memerlukan tahap kepakaran yang tinggi," kata Menteri Perundangan Kerajaan Cho Won-cheol.

"Perkhidmatan setiausaha AI dijangka meningkatkan kecekapan kerja penjawatawam dengan ketara". - ©BERNAMA

# 6 terkorban selepas kereta rempuh pasar terbuka di Chile

**SANTIAGO**, 13 Julai. - Sekurang-kurangnya enam orang maut manakala tujuh lagi cedera pada pagi Ahad selepas sebuah kereta terbalik dan merempuh kawasan pasar terbuka di bandar pesisir Vina del Mar, tengah Chile, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Kejadian berlaku di kawasan popular Gomez Carreno. Wakil Presiden bagi wilayah Valparaiso Manuel Millones berkata kepada pemberita bahawa pemandu kenderaan itu telah ditahan, manakala siasatan sedang dijalankan.

Beliau berkata pihak berkuasa sedang mengenal pasti sama ada pemandu berkenaan berada di bawah pengaruh alkohol atau kejadian itu berpunca daripada kecuaian atau kesilapan ketika memandu. - ©BERNAMA

# Angka korban kebakaran hutan di selatan Sepanyol meningkat kepada 13

**MADRID**, 13 Julai. - Angka korban akibat kebakaran hutan di wilayah Almeria, tenggara Sepanyol meningkat kepada 13 orang, manakala pihak berkuasa wilayah pada Ahad mengumumkan kebakaran berjaya dikawal, lapor Xinhua.

Data rasmi terkini menunjukkan tujuh mangsa yang cedera masih dirawat di hospital, dengan tiga daripadanya dalam keadaan serius. Menurut penyiar awam Sepanyol RTVE, ramai mangsa yang terjejas akibat kebakaran itu ialah warga asing.

Kebakaran hutan tercetus pada Khamis berhampiran perbandaran Los Gallardos di Almeria, yang terletak dalam komuniti autonomi Andalusia di selatan Sepanyol dan memusnahkan kira-kira 7,000 hektar kawasan. Sepuluh orang yang dilaporkan hilang masih belum ditemukan.

Pihak berkuasa wilayah berkata kebakaran berjaya dikawal membolehkan tahap tindak balas kecemasan diturunkan, selain kira-kira 1,000 mangsa dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Punca kebakaran masih dalam siasatan. Ketua kerajaan wilayah Andalusia Juanma Moreno pada Ahad berkata kebakaran itu tidak lagi merebak dan berjaya dikekang dalam perimeter ditetapkan. - ©BERNAMA

# BERKENAN MENYERAHKAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NBD

>> Muka 40

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), sembah Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ke majlis ini adalah disanjung tinggi dan penuh bermakna, dalam mana keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ini menunjukkan sokongan dan keprihatinan DYTM yang berterusan dalam kemajuan dan pembangunan sukan di negara ini.

Sejurus itu, DYTM kemudiannya berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan penyerahan Bendera NBD kepada Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Haji Matjinen selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Komanwel Ke-23, 2026, Glasgow, Scotland.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan, diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama DYTM.

Turut hadir, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Ken O'Flaherty; Setiausaha Tetap KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; wakil-wakil Persatuan Sukan Kebangsaan dan pegawai-pegawai kanan KKBS serta ahli keluarga atlet.

Sukan Komanwel merupakan antara temasya sukan antarabangsa yang berprestij selepas Sukan Olimpik dan Sukan Asia. Kejohanan yang diadakan setiap empat tahun sekali itu akan berlangsung di Glasgow, Scotland bermula pada 23 Julai hingga 2 Ogos 2026.

NBD mula menyertai Sukan Komanwel pada tahun 1990. Kali terakhir NBD menyertai kejohanan tersebut ialah pada tahun 2022 yang diadakan di Birmingham, England. Kontinjen NBD dijangka bertolak ke Glasgow, Scotland pada 19 Julai dan 21 Julai 2026.



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

## Pasukan SUNTO juara Kejohanan Badminton

Berita dan Foto : Ihsan Badan Kebajikan dan Sukan Ukur



**SESI bergambar ramai pada Kejohanan Badminton.**

**TUTONG**, Selasa, 14 Julai. - Pasukan SUNTO muncul juara Kejohanan Badminton yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan Ukur (BAUKUR) yang dikelolakan oleh Bahagian Pengukuran Kadestral (PKD), Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, baru-baru ini.

Acara berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Daerah Tutong.

Sebanyak lima buah pasukan telah menyertai pertandingan tersebut yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan di bawah Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat sekali gus menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pemangku Juruukur Agung, Dayang Nor Zetty Akhtar binti Haji Abdul Hamid.

Naib juara telah disandang oleh Pasukan SANDAK dan tempat ketiga disandang oleh Pasukan GPS.

Selain itu, Jabatan Ukur juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada salah seorang kakitangan Jabatan Ukur yang akan bersara iaitu Awang Haji Mohammad bin Haji Junid atas penglibatan beliau dalam sukan badminton sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di jabatan dan kementerian itu.

Kejohanan diadakan bertujuan untuk menggalakkan warga pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur tersebut untuk terus bergiat aktif dan cergas dalam aktiviti-aktiviti sukan serta diharap akan meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan dalam kalangan warga berkenaan di samping menjadi platform untuk mencari bakat baharu bagi mewakili Jabatan Ukur serta wakil Kementerian Pembangunan akan datang.

## Timba ilmu, pengalaman bidang pengurusan, pentadbiran



**PENGERUSI HiTune Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang semasa sesi bergambar ramai bersama para penerima sijil.**

Berita dan Foto : Ihsan HiTune Group of Companies

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Pelatih-pelatih yang mengikuti latihan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di HiTune Group of Companies mengakui berjaya menimba ilmu serta pengalaman yang amat berharga sepanjang menjalani latihan di syarikat berkenaan.

Wakil pelatih, Awang Syafi'i bin Mujib Islam, pada Majlis Penghargaan yang berlangsung di Ibu Pejabat HiTune Group of Companies di sini berkata, pelbagai skop bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang diterima dalam bidang pengurusan dan pentadbiran telah memberikan inspirasi yang sangat bermakna kepada semua pelatih.

"Pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang lapan bulan latihan telah banyak membentuk diri kami untuk menjadi individu yang lebih berkeyakinan, bertanggungjawab serta bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi HiTune Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang, melahirkan rasa bangga terhadap komitmen yang ditunjukkan oleh para pelatih sepanjang tempoh latihan.

Beliau menyifatkan kesungguhan dan dedikasi yang dipamerkan telah membuahkan hasil yang amat signifikan dalam meningkatkan kemahiran serta pembangunan diri para pelatih.

Majlis turut menyaksikan Ketua Pegawai Eksekutif HiTune Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffery, menyempurnakan penyampaian sijil kepada para pelatih.

Sepanjang mengikuti latihan selama lapan bulan, para pelatih berpeluang menyertai pelbagai aspek pengurusan acara (*event management*) serta pengendalian kejohanan-kejohanan sukan anjuran Yakin Sports, sekali gus memperkukuhkan pengalaman praktikal dan kemahiran profesional mereka.

## PHW Brunei wakili NBD pada kejohanan Battle of the 60s



**PERMATA Hijau Warrior (PHW) Brunei berjaya menyandang tempat ketiga bersama pada Kejohanan Bola Sepak Veteran Battle of the 60s.**

Berita dan Foto : Ihsan Permata Hijau Warrior Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Julai. - Kelab bola sepak Permata Hijau Warrior (PHW) Brunei telah berjaya menyandang tempat ketiga bersama pada Kejohanan Bola Sepak Veteran Battle of the 60s anjuran Kelab Dark Horse, Penampang dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

Kejohanan yang berlangsung di Padang Sukma pada 11 Julai 2026 dan Stadium Penampang, Sabah pada 12 Julai 2026 berkenaan telah disertai oleh 11 buah pasukan yang diwakili oleh kelab-kelab bola sepak veteran dari Sabah, manakala PHW Brunei adalah satu-satunya kelab yang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada pertandingan berkenaan, PHW Brunei telah memenangi dua perlawanan, dengan sekali seri dan sekali tewas daripada empat perlawanan di pusingan pertama.

Manakala pada peringkat separuh akhir, PHW Brunei telah tewas kepada pasukan dari Sabah, iaitu Mempagat melalui penentuan sepakan penalti selepas seri pada perlawanan sepenuh masa.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden Kelab Dark Horse dan ahli jawatankuasa kejohanan.




# PASTIKAN KEBAJIKAN, KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN ATLET DIUTAMAKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Isnin, 13 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bersabda mengingatkan kepada semua atlet dan pegawai-pegawai yang akan mewakili negara di Sukan Komanwel Glasgow untuk sentiasa menjaga disiplin di sepanjang Sukan Komanwel bagi sama-sama menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah lagi ingin mengingatkan kepada atlet yang akan mewakili negara di Sukan Komanwel Glasgow untuk bertanding dengan penuh bersemangat juang yang tidak kendur-kendur dan bukannya hanya sekadar penyertaan sahaja.

"Berilah tumpuan dan komitmen ke atas pertandingan *abiskita* kerana saya percaya inilah salah satu pemangkin yang bakal membawa *abiskita* ke arah kecemerlangan dan gunakanlah kesempatan ini untuk membuktikan kebolehan *abiskita*.

"Penyertaan kontinjen negara pada kali ini telah menyenaraikan penyertaan wanita yang terdiri tiga atlet dan seorang Chef de Mission, yang ini menunjukkan yang kita sentiasa mengutamakan penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif bagi memastikan keseimbangan jantina dalam pembangunan sukan negara seperti yang terdapat dalam Pelan Strategik Wanita dalam Sukan, BDNOC," sabda Duli Yang Teramat Mulia semasa Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke Sukan Komanwel Ke-23, 2026, Glasgow, Scotland yang diadakan di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, hari ini.

Terdahulu dalam sabda DYTM mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) atas sokongan yang diberikan kepada BDNOC.

Pada tahun ini, sabda DYTM, NBD akan menghantar kontinjen seramai 12 orang yang terdiri daripada seorang Chef de Mission, dua pegawai urus setia dan tiga jurulatih serta enam atlet dalam tiga acara sukan iaitu sukan angkat berat (seorang atlet lelaki), sukan olahraga (seorang atlet wanita dan seorang atlet lelaki) dan sukan renang (dua atlet wanita dan seorang atlet lelaki).

Dalam hubungan ini, DYTM sukacita mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang terpilih untuk mewakili negara terutama sekali atlet sukan angkat berat yang mana telah pun sekali lagi berjaya melayakkan diri ke acara 65kg dalam sukan angkat berat di Sukan Komanwel Glasgow nanti.

Sabda DYTM lagi, pencapaian atlet sukan angkat berat ini hendaklah dijadikan contoh kepada semua atlet-atlet kebangsaan untuk sentiasa berusaha dengan lebih gigih untuk melayakkan diri bukan sahaja bagi Sukan Komanwel malah bagi semua sukan yang akan disertai NBD seperti Sukan Olimpik, Sukan Belia Olimpik, Sukan Asia dan sebagainya.

Dalam pada itu, DYTM yakin bahawa semua atlet-atlet yang terpilih di sini telah sedia maklum akan peraturan - peraturan *anti-doping* yang dikuatkuasakan oleh World Anti-Doping Agency (WADA) yang mana hendaklah dipatuhi di sepanjang masa.

"Di sini, saya juga ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih kontinjen kita untuk memastikan dan menjaga aspek Safeguarding Athlete iaitu memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet hendaklah sentiasa diberi keutamaan di sepanjang Sukan Komanwel nanti. Perkara ini adalah antara aspek yang sangat diambil berat oleh BDNOC," sabda DYTM lagi.

DYTM seterusnya bersabda mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih-jurulatih yang terlibat serta ibu bapa atlet-atlet yang akan mewakili negara di Sukan Komanwel Glasgow kerana memberikan bimbingan sokongan dan dorongan yang berterusan kepada atlet-atlet yang terpilih di sini.

Bagi mengakhiri sabda, DYTM berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri daripada atlet-atlet, jurulatih dan pegawai akan sentiasa sihat walafiat dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan mengurniakan sabda.**

# Berkenan menyerahkan bendera negara kepada Kontinjen NBD




**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Komanwel Ke-23.**

**BERAKAS**, Isnin, 13 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Sukan Komanwel Ke-23, 2026, Glasgow, Scotland yang diadakan di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, hari ini.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dalam sembah alu-aluan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan pada tahun ini, NBD sekali lagi akan menyertai Sukan Komanwel dengan penyertaan dalam tiga acara iaitu sukan olahraga, renang dan angkat berat.

Sembah Yang Berhormat mengongsikan kontinjen negara terdiri daripada enam atlet, iaitu tiga lelaki dan tiga wanita, yang akan diiringi oleh enam orang pegawai merangkumi seorang Chef de Mission, seorang ketua urus setia, seorang pegawai urus setia serta tiga jurulatih.

"Peramba saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para atlet yang terpilih mewakili NBD. Semoga para atlet sentiasa memberikan persembahan terbaik, menjunjung semangat kesukanan serta meletakkan nama negara di kedudukan yang terpuji.

"Di samping mengejar kecemerlangan prestasi, jagalah tingkah laku dan nama baik negara dengan penuh integriti. Di luar gelanggang, *abiskita* adalah juga wajah kepada negara. Tunjukkan disiplin yang jitu, mematuhi segala peraturan dan elakkan sebarang perkara yang boleh menjejaskan imej negara," sembah Yang Berhormat lagi.

Kepada para atlet, sembah Yang Berhormat, jadikanlah penyertaan ini sebagai satu peluang dan cabaran untuk terus mempertingkatkan prestasi dengan persediaan fizikal dan mental yang kental serta keyakinan diri yang tinggi.

Lakukan yang terbaik demi mencapai puncak prestasi sendiri. Setiap titisan peluh di gelanggang adalah bukti perjuangan *abiskita* yang sudah setentunya menerbitkan kebanggaan semua.

Terdahulu, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah perkenan baginda bagi NBD menyertai Sukan Komanwel Ke-23, pada tahun ini yang akan berlangsung di Glasgow, Scotland pada 23 Julai hingga 2 Ogos 2026.

**>> Muka 39**